



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**

(Bagi Minggu 1/2018 dari 31 Disember 2017 hingga 6 Januari 2018)


Pada minggu pertama tahun 2018, sejumlah 1,034 kes Demam Denggi dengan satu (1) kematian telah dicatatkan berbanding 1,644 kes dengan dua (2) kematian pada minggu yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 37.1% (610 kes). Sehingga 6 Januari 2018, 291 lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif dilaporkan termasuk 24 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan enam (6) buah negeri iaitu di Selangor (14 lokaliti), Johor (5 lokaliti), Pulau Pinang (2 lokaliti), manakala satu (1) lokaliti masing-masing di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Perak dan Sabah.

Berdasarkan pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdapat peningkatan kes Demam Denggi yang berlaku untuk lima (5) minggu berturut-turut sejak awal Disember. Faktor cuaca iaitu musim hujan boleh mempengaruhi kejadian kes Denggi kerana bekas yang menakung air boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Di samping itu, pergerakan individu dan masyarakat yang luas, keadaan persekitaran yang masih tidak bersih juga menyumbang kepada peningkatan transmisi jangkitan Demam Denggi.

Selain itu juga, terdapat perubahan *serotype* (*serotype shift*) virus Denggi dari *serotype* DEN-3 kepada DEN-2 pada penghujung tahun 2017. Dengan adanya perubahan *serotype* virus ini, dijangkakan kes Demam Denggi akan meningkat selepas satu (1) hingga tiga (3) bulan. Oleh demikian, aktiviti pencegahan Denggi dengan membersihkan persekitaran dan menghapuskan tempat pembiakan perlu diperkasakan bermula dari sekarang.

Orang ramai dinasihatkan supaya segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami tanda-tanda dan gejala Demam Denggi seperti demam, sakit otot dan sendi, sakit di belakang mata serta ruam. Selain itu, amalan perlindungan diri seperti penggunaan repelen dan memakai pakaian cerah yang menutup anggota dapat mengurangkan risiko digigit nyamuk Aedes.

Memastikan persekitaran yang bersih oleh semua pihak adalah tanggungjawab bersama yang perlu dilaksanakan. Setiap individu hanya perlu meluangkan masa hanya 10 minit seminggu untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Bekas yang berpotensi untuk menjadi pembiakan nyamuk Aedes harus dilupuskan dengan cara yang betul atau memasukkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam takungan air kekal terutama apabila tidak menggunakannya lebih dari tempoh seminggu. **Tiada Aedes, Tiada Denggi.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

15 JANUARI 2018

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 1/2018  
(31 Disember 2017 hingga 6 Januari 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 1/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 1/2017	
		Minggu 1/2018 (31 Dis 2017 – 6 Jan 2018)		Minggu 52/2017 (24 – 30 Dis 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	0	0	1	0	1	0
2	Kedah	20	0	14	0	20	0	17	0
3	P. Pinang	95	0	66	0	95	0	37	0
4	Perak	39	0	57	0	39	0	108	1
5	Selangor	490	0	553	3	490	0	839	0
6	WP KL & Putrajaya	78	1	82	0	78	1	152	0
7	N. Sembilan	21	0	15	0	21	0	40	1
8	Melaka	11	0	7	0	11	0	45	0
9	Johor	140	0	103	2	140	0	154	0
10	Pahang	15	0	13	0	15	0	61	0
11	Terengganu	1	0	5	0	1	0	7	0
12	Kelantan	28	0	10	0	28	0	92	0
13	Sarawak	16	0	12	0	16	0	35	0
14	Sabah	79	0	70	1	79	0	56	0
15	WP Labuan	0	0	1	0	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,034</b>	<b>1</b>	<b>1,008</b>	<b>6</b>	<b>1,034</b>	<b>1</b>	<b>1,644</b>	<b>2</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

## Lampiran B

### LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 1/2018 (31 Disember 2017 hingga 6 Januari 2018)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	15	74
2	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 : Teres	21	66
3	SELANGOR	Hulu Langat	De Casa Condo Bandar Baru Ampang	12	61
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	13	55
5	P PINANG	Timur Laut	Taman Terubong Indah	13	53
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 ( Teres A : Jln 8/1 - 8/13 )	7	49
7	JOHOR	Johor Bharu	Bbu Padi Huma	10	47
8	PERAK	Kampar	K/B Mbg Diawan	15	45
9	WPKL	Lembah Pantai	Abadi Indah Apartment Fasa 1(7&9)	17	44
10	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psmn Perdana (One South)	6	42
11	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	8	42
12	SELANGOR	Petaling	Du Ss 4c	13	41
13	SELANGOR	Klang	Tmn Meru Indah ( Solok Meru Indah 2)	16	40

14	SABAH	Kota Kinabalu	Quarters Ipk Kepayan	31	39
15	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam_Appartment Sri Mutiara	7	39
16	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kenari Taman Impian Ehsan	15	39
17	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desakarun Mas	12	36
18	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pasir Putih_Jln Selasih	7	34
19	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulai Utama_Flat Taman Pulai Utama	18	34
20	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Wira Damai	14	34
21	P PINANG	Timur Laut	Desa Mawar	12	33
22	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok A - G)	7	33
23	JOHOR	Johor Bharu	Tmn. Nusantara 4/	8	31
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pusat Komersial:Jln Ay U13/Ay , Bb U13/Bb - Bf U13/Bf )	5	31